



MEMO



Kepada : **YBhg. Profesor Dr. Suriani binti Abu Bakar**
 Pengarah
 Pejabat Karang Mengarang (PKM)

Daripada : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ruj. Kami : UPSI/PPPI/PYK-J3PIU/526 (13)

Tarikh : 23 JULAI 2018
 10 ZULKAEDAH 1439H

PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN, PENGKOMERSILAN DAN INOVASI UNIVERSITI (MJ3PIU)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 6/2018 telah meluluskan penstrukturan semula Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) dengan penyerapan masuk Makmal Penyelidikan Pendidikan Universiti.
- Selaras dengan penstrukturan tersebut Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Universiti (MJPU) dikekalkan dengan penjenamaan semula disebut sebagai Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan, Perundingan, Pengkomersilan dan Inovasi Universiti (MJ3PIU).
- Sukacita dimaklumkan, YBhg. Prof. telah dilantik sebagai **Ahli Jawatankuasa** Penyelidikan, Perundingan, Pengkomersilan dan Inovasi Universiti (MJ3PIU) berkuatkuasa sepanjang pelantikan sebagai Pengarah. Untuk pengetahuan YBhg. Prof. kehadiran ke mesyuarat adalah **wajib** dan **tidak dibenarkan menghantar wakil melainkan atas kebenaran Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)**.
- Pihak Universiti berharap dengan pelantikan ini YBhg. Prof. dapat menjalankan tugas dengan baik disamping dapat menyumbang tenaga dan idea ke arah meningkatkan mutu penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan inovasi di Universiti. Segala kerjasama YBhg. Prof. dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“UNIVERSITI NO. 1 PENDIDIKAN”

Yang benar,

(PROFESOR DR. **MOND SAHANDRI GANI HAMZAH**)

s.k. YBhg. Dato' Naib Canselor, UPSI
Pengarah RMIC

TINDAKAN	CATATAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN & KEWANGAN	
BAHAGIAN EDITORIAL - UNIT PENERBITAN BUKU	
BAHAGIAN EDITORIAL - UNIT PENERBITAN JURNAL	
BAHAGIAN EDITORIAL - UNIT TERJEMAHAN & LATIHAN	
BAHAGIAN PEMASARAN, PROMOSI DAN KEDAI BUKU	
BAHAGIAN KREATIF - UNIT KREATIF BUKU	
BAHAGIAN KREATIF - UNIT KREATIF GRAFIK	